KOMPILASI ISU DAN CADANGAN YANG DIBANGKITKAN
DALAM MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH (KKDW)
BAGI TAHUN 2024

MBJ KKDW

BUTIRAN PELAKSANAAN MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH (KKDW) TAHUN 2024

BIL. MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT	Tempat	Pengerusi
1/2024	04/03/2024	Bilik Persidangan Bunga Raya, Aras 29, KKDW	Setiausaha Bahagian Kanan (Khidmat Pengurusan)
2/2024	06/08/2024	Bilik Persidangan Bunga Raya, Aras 29, KKDW	Ketua Setiausaha
3/2024	20/11/2024	Bilik Persidangan Bunga Raya, Aras 29, KKDW	Setiausaha Bahagian Kanan (Khidmat Pengurusan)

JUMLAH ISU/CADANGAN MENGIKUT KATEGORI
YANG TELAH DIBINCANGKAN DALAM MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH (KKDW)
TAHUN 2024

KATEGORI ISU	BILANGAN ISU/CADANGAN YANG TELAH SELESAI			ISU BELUM SELESAI MBJ BIL.3/2024	JUMLAH ISU
	1/2024	2/2024	3/2024		
Kewangan dan Kemudahan	0	0	1	0	1
Pentadbiran	4	3	0	2	9
Sumber Manusia	2	1	1	0	4
Kebajikan	1	0	1	2	4
Inovasi dan Produktiviti	0	0	0	0	0
Hal-hal Lain	3	1	0	1	5
JUMLAH	**10**	**5**	**3**	**5**	**23**

SENARAI ISU/CADANGAN YANG TELAH DIBINCANGKAN
DALAM MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH (KKDW)
TAHUN 2024

KATEGORI : KEWANGAN DAN KEMUDAHAN
JUMLAH ISU/CADANGAN : 1

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1.	**Pengunaan Panjar Wang Runcit (Petty Cash) Di Bahagian Kewangan**	YBhg. Dato' Dr. Pengerusi bersetuju dengan cadangan tersebut kerana wang cucian kenderaan persendirian tidak boleh dituntut menggunakan PWR.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 3/2024 Status : Selesai Mesy. Bil. 3/2024

KATEGORI : PENTADBIRAN
JUMLAH ISU/CADANGAN : 9

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1.	**Pelawat Yang Mempunyai Urusan Keluar / Masuk Di Bahagian Kesejahteraan Rakyat (KR)**	Pengerusi bersetuju agar bahagian yang terlibat dapat memberikan nama pegawai yang bertanggungjawab kepada Pegawai Keselamatan di kaunter sebelum pelawat dibenarkan naik berurusan ke pejabat atau tidak membenarkan	Dibangkitkan: Mesy. Bil. 1/2024 Status : Selesai Mesy. Bil. 2/2024

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		pelawat masuk ke pejabat dan semua urusan perlu dibuat di lobi pejabat; dan memohon supaya Bahagian (P) untuk melihat semula keperluan penyediaan ruang/bilik di lobi untuk dijadikan sebagai ruang khas bagi tujuan perjumpaan antara pegawai Kementerian bersabersama dengan pelawat. Mesy. Bil.2/2024 - Bahagian P tiada halangan sekiranya terdapat Bahagian-bahagian yang ingin menggunakan ruang di lobi untuk dijadikan sebagai ruang khas bagi tujuan perjumpaan antara pegawai Kementerian bersama dengan pelawat.	
2	**Slot Parking Bagi Kakitangan Yang Tidak Sihat**	Bahagian P akan meluluskan permohonan slot parking bagi kakitangan yang tidak sihat sekiranya pemohon memohon parking di Aras B dan tertakluk kepada kekosongan parking; dan terdapat permohonan dari pegawai yang memohon slot parking di aras lobi namun permohonan tersebut tidak dapat dipertimbangkan kerana parking di lobi dikhaskan untuk kecemasan dan parking sementara sahaja.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 1/2024 Status : Selesai Mesy. Bil. 1/2024
3	**Kenderaan Luar Mengambil Tempat Parking Kenderaan Jabatan**	Wakil Bahagian P memohon agar aduan kepada Bahagian P untuk kereta tersebut di clamp.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 1/2024 Status : Selesai Mesy. Bil. 1/2024

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
4	**Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)Tahun 2023**	SUB (PSM) memaklumkan tarikh APC Tahun 2023 adalah pada 28 Mei 2024; dan mempelawa Ahli MBJ untuk terlibat sama sebagai urus setia untuk majlis tersebut.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 1/2024 Status : Selesai Mesy. Bil. 1/2024
5	**Cadangan Menambah Baik Pengurusan Ruangan Parking Di Basement KKDW**	Wakil pekerja memaklumkan bahawa terdapat beberapa buah kereta diletakkan di kawasan yang tidak sepatutnya menyebabkan kesukaran memasuki petak kereta. Terdapat juga kenderaan diletakkan di kawasan yang dilarang *parking*. YBhg. Datuk Pengerusi mengambil maklum kesemua 24 tindakan mengunci tayar adalah bukan kenderaan yang sama dan bersetuju Bahagian P membuat pemantauan dari semasa ke semasa.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 2/2024 Status : Selesai Mesy. Bil. 2/2024
6	**Cadangan Pemantauan Penutupan Penyaman Udara Dan Lampu Di Ruang Pejabat Bangunan KKDW**	Wakil Pekerja memaklumkan bahawa penyaman udara dan lampu ditutup lebih awal dari waktu flexi bekerja dan mencadangkan Bahagian Pentadbiran memantau masa penutupan penyaman udara dan juga lampu dengan pihak kontraktor penyenggaraan. Mesyuarat dimaklumkan kos utiliti Kementerian melebihi RM500,000.00 sebulan. Sebagai langkah penjimatan, pemasangan penyaman udara di bangunan KKDW ini dihadkan kepada 10 jam sehari;	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 2/2024 Status : Selesai Mesy. Bil. 2/2024

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
7	**Penggunaan Dewan Seri Lestari Bagi Penganjuran Program - Program Rasmi**	Wakil Pekerja memaklumkan penyusunan meja atau kerusi semasa penggunaan Dewan Seri Lestari bagi program - program Rasmi KKDW dilakukan sendiri oleh pegawai di Bahagian yang terlibat. Bahagian yang menganjurkan program di Dewan Seri Lestari, KKDW boleh menggunakan tenaga kerja warga Bahagian atau melantik vendor yang bersesuaian sekiranya diperlukan dan menggunakan bajet Bahagian masing-masing.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 2/2024 Status : Selesai Mesy. Bil. 2/2024
8	**Penyertaan Warga KKDW Bagi Program - Program Anjuran Pihak Luar**	SUB (P) memaklumkan bahawa pihaknya akan melakukan penambaikan dalam proses pemilihan peserta bagi menyertai sebarang program. Bagi memastikan peluang yang sama rata dalam penyertaan program-program seperti ini, SUB (P) menyatakan pihak mereka akan mempertimbangkan pelaksanaan sistem penggiliran kepada warga KKDW yang berminat, sekaligus dapat mengelakkan penglibatan individu yang sama berulang kali dalam setiap program yang dianjurkan.	Dibangkitkan : Mesy. Bil.3/2024 Status : Belum selesai
9	**Isu Kulat di Aras 28**	SUB Teknikal mencadangkan kepada Bahagian (P) untuk menyemak semula dengan pihak kontraktor pembersihan berkenaan pelaksanan tugas-tugas mereka dan mencadangkan supaya Bhg. P membuat aduan kepada pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Putrajaya sekiranya pelaksanaan kerja pihak	Dibangkitkan : Mesy. Bil.3/2024 Status : Belum selesai

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		kontaktor pembersihan tidak mengikut prosedur yang telah ditetapkan. YBhg. Dato' Dr. Pengerusi bersetuju dengan cadangan SUB Teknikal kerana isu kulat ini bukan sahaja berlaku di Aras 28 tetapi turut berlaku di aras 30 juga.	

KATEGORI : SUMBER MANUSIA

JUMLAH ISU/CADANGAN : 4

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1.	**Maklumbalas Mengenai Pengisian Perjawatan Di Bahagian**	Pihak Pekerja memaklumkan bahawa terdapat beberapa kekosongan jawatan yang tidak diisi lebih dari dua (2) tahun seperti: i) FT26 di bahagian ICT ii) M44 di bahagian EK iii) M41 di bahagian KR Pihak Pekerja (wakil bahagian) mencadangkan agar kekosongan jawatan ini diisi dengan segera memandangkan bebanan tugas yang banyak dan	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 3/2023 Status : Selesai Mesy. Bil. 1/2024

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		menjadi tekanan kepada pegawai yang terpaksa menanggung kerja untuk jawatan yang tidak diisi. Mesy. Bil.1/2024 - Bahagian PSM telah mengambil maklum dan tindakan pengisian bagi kekosongan perjawatan di Kementerian ini. Pihak PSM telah mengemukakan data kekosongan yang telah dikemaskini ke pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysi (MAMPU) dan Kementerian Kerja Raya (KKR) sebagai agensi pembekal/Ketua Perkhidmatan.	
2	**Kekosongan Jawatan Yang Tidak Diisi Di Bahagian Di KKDW**	Bahagian PSM telah mengambil maklum dan tindakan sedang diambil bagi mengisi kekosongan perjawatan bagi para a, b (i), c (i), c (ii), d dan e manakala kekosongan perjawatan bagi para (ii) telah diisi pada 18 September 2023 yang lalu.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 1/2024 Status : Selesai Mesy. Bil. 1/2024
3	**Program Pemantapan Profesional bagi Skim Setiausaha Pejabat yang sedang bertugas di Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)**	Wakil Setiausaha Pejabat mencadangkan Program Pemantapan Profesional bagi Skim Setiausaha Pejabat Di Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) tahun 2025 turut YBhg. Datuk Pengerusi bersetuju agar Kursus Bagi Skim Setiausaha Pejabat KKDW tahun depan diadakan di Sabah sebagaimana yang dicadangkan	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 2/2024 Status : Selesai Mesy. Bil. 2/2024
4	**Pemohonan Kursus/Bengkel Pelupusan Fail Dan Sesi Libat Urus Bersama Unit Registri Dan Rekod (URR)**	Pengemaskinian Jadual Pelupusan Rekod (JPR) telah diadakan pada 15 hingga 17 November 2024 yang melibatkan 10 bahagian. Bengkel tersebut	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 3/2024 Status :

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		membincangkan mengenai tempoh pelupusan rekod berdasarkan keperluan setiap bahagian SUB (P) turut menyatakan hasrat agar pelaksanaan JPR 2024/2025 dapat dikuatkuasakan pada suku tahun pertama atau suku tahun kedua Tahun 2025.	Selesai Mesy. Bil. 3/2024

KATEGORI : KEBAJIKAN

JUMLAH ISU/CADANGAN : 4

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1.	**Program Kami Prihatin @ KKDW**	Pihak KKSKKDW mempelawa ahli kelab yang terdiri daripada warga KKDW Ibu Pejabat, KKDW Negeri Selangor dan INFRA Bangi yang berkelayakan untuk mengisi permohonan sumbangan ini selewat-lewatnya pada 4 Mac 2024 (Isnin).	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 1/2024 Status : Selesai Mesy. Bil. 1/2024
2	**Cadangan Keperluan di Surau KKDW**	Bahagian (P) juga telah merancang untuk menukar karpet di surau pada tahun 2025 memandangkan perkara ini terdapat dalam kontrak Pengurusan Fasiliti.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 3/2024 Status : Belum selesai

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		YBhg. Dato' Dr. Pengerusi mengambil maklum dan memberi cadangan untuk menyambung getah paip bagi memastikan percikan air tidak terlalu tinggi.	
3	**Pengurusan Ruang Bawah Tanah (Basement)**	Setiausaha Bahagian (P) memaklumkan bahawa Bahagian tersebut akan menilai dan mengkaji semula berkaitan keselamatan di bahagian parkir basement. Selain itu, beliau turut mencadangkan supaya *bumper* diletakkan di bahagian *ramp* dan kempen kesedaran memandu bagi warga KKDW perlu dipertimbangkan dalam mendidik warga KKDW soal keselamatan di bahagian parkir basement.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 3/2024 Status : Belum selesai
4	**Permohonan Air Mineral/Air Kotak Dan Biskut Daripada Stor Pusat**	Permohonan air mineral botol tidak digalakkan selaras dengan saranan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) supaya semua Kementerian menyahut seruan menghindari penggunaan plastik sekali guna sepertimana Surat Pekeliling Am Bilangan 6 Tahun 2024. Permohonan air kotak dan biskut untuk kegunaan mesyuarat akan dipertimbangkan tertakluk kepada keputusan Pihak Pengurusan dan peruntukan sedia ada.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 3/2024 Status : Selesai Mesy Bil.3/2024

KATEGORI : LAIN-LAIN

JUMLAH ISU/CADANGAN : 5

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1.	**Cadangan Mengenai Perokok Tegar Di Bangunan KKDW**	Pihak Pekerja memaklumkan berkenaan perokok yang masih lagi merokok di laluan tangga di Aras 5 sehingga Aras 8 di dalam bangunan KKDW. Bau asap rokok juga masuk ke ruangan pejabat dan baunya kurang menyenangkan warga kerja di aras yang berkenaan; YBrs. Tuan Pengerusi memohon agar semua SUB mengeluarkan peringatan larangan merokok di tangga kepada setiap kakitangan di Bahagian masing-masing; dan YBrs. Tuan Pengerusi juga turut menyarankan agar Unit Integriti mengeluarkan email peringatan kepada setiap warga Kementerian berkenaan larangan merokok di kawasan pejabat dan bersetuju supaya Unit Integriti menyelaras lawatan mengejut bersama pihak KKM. Mesy. Bil.1/2024 - Unit Integriti (UI) pada tahun 2023 telah mengambil inisiatif mengadakan hebahan dan peringatan berkenaan larangan merokok di dalam bangunan KKDW menerusi email kepada warga KKDW; dan *Mystery Shopping:* Pematuhan Larangan Perokok di sekitar Bangunan KKDW. KKM juga elah membuat	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 3/2023 Status : Selesai Mesy. Bil. 1/2024

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		Mystery Shopping di sekitar bangunan KKDW pada 28 Februari 2024.	
2	**Jemputan Ahli Pekerja MBJ Untuk Menjadi Urus Setia Bagi Program Yang Dianjurkan Oleh KKDW**	Pihak pekerja mencadangkan Wakil setiap Bahagian yang menganjurkan program menghantar emel jemputan menjadi urus setia kepada Ahli MBJ bagi program yang akan dianjurkan; dan Pengerusi bersetuju dengan cadangan tersebut dan menyerahkan kepada Pengerusi Wakil Pekerja untuk mewujudkan jawatankuasa tersebut	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 1/2024 Status : Selesai Mesy. Bil. 1/2024
3	**Mesyuarat MBJ Bilangan 2 Tahun 2024**	Pihak pekerja mencadangkan Mesyuarat MBJ Bilangan 2 Tahun 2024 diadakan pada 10-12 Jun 2024 bertempat di Institut Islam Kundasang, Sabah; YBrs. Tuan Pengerusi juga meminta kerjasama daripada semua ahli MBJ untuk sama-sama mencadangkan program yang bersesuaian dengan semua Ahli MBJ bagi tujuan pengisian mesyuarat MBJ tersebut;	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 1/2024 Status : Selesai Mesy. Bil. 1/2024
4	**Mesyuarat MBJ di Luar Pejabat**	Wakil Pihak Pekerja mencadangkan Mesyuarat MBJ yang akan datang diadakan di Kundasang, Sabah. Pengerusi bersetuju Mesyuarat MBJ yang akan datang diadakan di Sabah.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 2/2024 Status : Selesai Mesy. Bil. 2/2024
5	**Meningkatkan Tatakelola Integriti**	Wakil Pekerja dari Bahagian Komuniti Desa menyarankan pihak pengurusan KKDW menyahut seruan Kerajaan supaya memberi tumpuan kepada program pemerkasaan tatakelola, pengurusan	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 3/2024 Status : Belum selesai

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		yang berintegriti, mengurangkan penyalahgunaan kuasa, pembaziran dan pemborosan wang Kerajaan. Tahun 2025 boleh diadakan pelbagai aktiviti yang bersesuaian yang lebih banyak, menyerlah dan berimpak tinggi kepada warga KKDW	

Disediakan oleh:

Urus Setia Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
(Bahagian Pengurusan Sumber Manusia)